

Kualiti tenaga kerja unsur terpenting

KUALA LUMPUR 31 Mei — Kualiti tenaga kerja merupakan unsur terpenting bagi menentukan kejayaan ekonomi dan kemakmuran negara yang berterusan, kata Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad.

Menurut beliau, adalah wajar kualiti tenaga kerja perlu diperbaiki dari masa ke semasa memandangkan ia adalah sebahagian daripada pembangunan sumber manusia.

“Pembangunan sumber manusia membawa maksud meningkatkan kualiti tenaga pekerja,” katanya ketika merasmikan pusat latihan teknikal dan vokasional, Institut Jerman-Malaysia, satu usaha hasama antara kerajaan Malaysia dan Jerman di Taman Shamelin-Perkasa, Cheras di sini.

Sehubungan dengan itu Dr. Mahathir berkata, kerajaan Malaysia memberi penekanan ke atas pembangunan sumber manusia ekoran “keyakinan kami bahawa penduduk merupakan sumber utama negara.”

“Di bawah Rancangan Malaysia Keenam, kira-kira 13 peratus belanjawan pembangunan Kerajaan Persekutuan diperuntukkan untuk tujuan latihan dan pendidikan.

“Kadar tersebut secara perbandingan adalah tinggi sekiranya dibandingkan dengan standard antarabangsa,” katanya.

Dr. Mahathir seterusnya memberitahu, pendidikan dan latihan tenaga kerja tidak boleh diserahkan kepada satu pihak sahaja sebaliknya usaha itu memerlukan sokongan

dan peranan semua pihak.

Sebagai tambahan kepada peranan kerajaan kata beliau, pihak-pihak lain yang turut boleh menyumbang ke arah itu ialah majikan, pekerja, sekolah, institusi latihan, kesatuan sekerja dan juga para ibu bapa.

“Pembangunan kemahiran kerap kali dilihat sebagai tanggungjawab kerajaan semata-mata,” katanya.

Menurut beliau, pihak pekerja juga seharusnya sedar mengenai tanggungjawab pembangunan sumber manusia oleh mereka sendiri.

Kata beliau, sekiranya golongan pekerja mengamalkan satu suasana persekitaran kerja yang baru, mereka seharusnya memainkan peranan untuk melaksanakan budaya latihan.